

A photograph of a welder in a workshop. The welder is wearing a blue long-sleeved shirt, a white apron, and a welding mask. They are focused on their work, creating a large amount of bright sparks as they weld two pieces of metal together. The background shows a dark workshop environment with some equipment visible.

INSPIRASI KEJAYAAN ALUMNI



IJAZAH SARJANA & IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PHD)

KISDAR KUIS

MUHAMMAD AFIF AFNAN BIN MOHD FADHLI

Tahun Graduasi

2022

Jawatan

- i. Timb. Ketua Eksekutif Hal Ehwal Akademik dan Inovasi (HEAI), Professional Mutawwif Development International College (PMDIC).
- ii. Mutawwif Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd.

Akademik

Ijazah Sarjana Usuluddin (Perbandingan Agama), Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Testimoni

Di sini tenaga profesional muslim dilahirkan. KUIS sebagai peneraju tradisi ilmu, merupakan sebuah institusi yang mengutamakan pembentukan peribadi ke arah jiwa yang mukhlis, mukmin yang mengabdikan seluruh diri dan hidupnya kerana agama, dan muslim yang sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan dunia dan ukhrawi seterusnya menjadi hamba Allah SWT yang bertaqwa. KUIS sentiasa penyajikan pendidikan holistik berfokus kepada pembangunan sahsiah, bi'ah solehah, khidmat ummah, qudwah hasanah, kecemerlangan akademik, dan pembentukan insan taadib.



NABILAH HUDA BINTI ZAIM

Tahun Graduasi

2022

Jawatan

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Caw. Negeri Sembilan

Akademik

Ijazah Doktor Falsafah Islamiyyat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Testimoni

Terima kasih KUIS kerana telah memberi peluang untuk saya mengembangkan potensi diri serta membina jaringan bersama institusi-institusi luar dengan bantuan daripada penyelia, pensyarah , fakulti dan warga Pusat Pengajian Siswazah yang sangat menyokong sepanjang pengajian ijazah kedoktoran di sini. Alhamdulillah, 'pengalaman mahal' di sini telah membawa keyakinan saya untuk terus berkhidmat menabur bakti kepada anak watan dan ummah.





IJAZAH SARJANA MUDA

KISDAR KUIS



SYAURAH BT ISHAK

Tahun Graduasi

2022

Jawatan

Pengasas Nasyrah Consultant dan Motivator (Hafazan)

Akademik

Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Qiraat (Kepujian), Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Testimoni

Saya sangat bersyukur dicampak oleh Allah ke satu tempat yang mempunyai satu persekitaran yang sangat baik. Suasana yang sangat membantu untuk menjadi orang yang lebih baik. Dulu zaman belajar sekolah menengah, saya sering ditakutkan dengan kejutan budaya bilamana masuk ke zaman universiti. Tetapi saya sangat bersyukur kerana UIS merupakan satu universiti yang mempunyai bi'ah solehah. Mana nak jumpa universiti yang selalu buat pantauan terhadap pakaian pelajar perempuannya. Warden pusing asrama lelaki pada setiap Jumaat bagi memastikan semua pelajar lelaki turun pergi solat Jumaat. Selain itu, aspek yang sangat besar yang telah memberi pengaruh besar pada siapa saya hari ini iaitu pensyarah yang sangat membantu. Pensyarah yang sangat mesra dengan pelajar, menjadi salah satu sebab saya terus bersemangat meneruskan pengajian. Dulunya saya sambung program pengajian ini tanpa ada rasa minat. Tetapi para pensyarahlah yang telah mengubah rasa itu. Jazakumullah khairan kasira buat semua pensyarah dan juga pihak

SYURUFIRRAHMI

Tahun Graduasi

2021

Jawatan

Guru Arab di Ribath Ilmi Syarif Seiyun, Yaman.

Akademik

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Al-Quran (Kepujian),
Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Testimoni

I am Syuruf from Indonesia, a proud alumnus of International Islamic University College Selangor (KUIS). My time at KUIS was an unforgettable experience that shaped me into the person I am today.

The university's Islamic environment, excellent facilities, and dedicated lecturers provided me with a supportive and enriching learning environment. I was able to thrive academically and personally, and I made lifelong friends along the way.

Through extracurricular activities and clubs, I gained valuable leadership, teamwork, and problem-solving skills. I also learned to be more open-minded and tolerant of different cultures and beliefs.

My time at KUIS was truly transformative. I am grateful for the opportunities I had to grow and learn, and I am confident that my KUIS education has prepared me for success in my future endeavors.

If you are looking for a university that will challenge you academically, nurture your personal growth, and help you develop into a well-rounded individual, then I highly recommend International Islamic University College Selangor (KUIS).

ASNA ZUKRINA BINTI AHMAD ZUKNI

Tahun Graduasi
2020

Jawatan
Producer & Host

Akademik
Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Penyiaran) (Kepujian), Fakulti Pengurusan Dan Muamalah

Testimoni
KUIS adalah institusi yang sangat lengkap dan syumul dari pelbagai aspek. Layak untuk dipilih dengan apa yang ditawarkan adalah aspek keagamaan yang disertakan bersama praktikaliti dan teori dalam sesuatu bidang. Untuk pengalaman saya, saya berasa sangat puas dan gembira dengan segala sudut modul pembelajaran yang ditelitian dan prasarana yang disediakan. Malah, peralatan penggambaran di KUIS adalah lebih canggih daripada industri kebanyakan di luar kini. Jadi dengan itu, bakat dan ilmu dapat diasah dan digunakan dengan baik sehingga produk KUIS kini menjadi kualiti terbaik dalam diri saya untuk saya sumbangkan dalam kerjaya saya sendiri baik dalam industri maupun dalam pembelajaran saya di master pada masa kini. KUIS adalah titik di mana kerjaya saya bermula. Life is a matter of choices and every choice you make, makes you.



MUHAMMAD ISKANDAR ZULKARNAIN BIN HUSAINI

Tahun Graduasi

2022

Jawatan

Business Partner Fitrah Creative Solution (Pengurus Perniagaan)

Akademik

Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Fakulti Pengurusan Dan Muamalah

Testimoni

"Suasana KUIS sangat membantu pembelajaran saya, para pensyarah yang sangat berdedikasi dan sedia membantu serta meluangkan masa untuk pelajar, sahabat yang selalu memberi sokongan dan motivasi, persekitaran yang tenang dan sangat menjaga ikhtilat mahasiswa. KUIS juga banyak menyediakan bantuan bagi mahasiswa yang kurang berkemampuan, samaada dalam bentuk kewangan seperti tajaan, zakat, pinjaman, ataupun bantuan dalam bentuk makanan harian seperti food bank. Alhamdulillah, dengan bantuan ini saya dapat menamatkan pembelajaran saya dengan cemerlang.

Di KUIS juga, mahasiswa diberi peluang untuk terlibat aktif dalam persatuan dan mengadakan program. Di samping dapat menambah ilmu pengetahuan sepanjang sesi kuliah, mahasiswa juga dapat membentuk peribadi dan menambahkan kemahiran diri. Banyak yang saya pelajari sepanjang penglibatan saya dalam beberapa persatuan di sini dan pengalaman ini sangat membantu saya ketika di dunia pekerjaan sekarang. Walaupun masih banyak yang perlu ditambah baik, tapi secara keseluruhan saya berpuas hati sepanjang saya berada di KUIS. Kerana tiada tempat yang sempurna tanpa kekurangan di dunia ini. Bukan kekurangan yang kita nilai, tetapi kelebihan dan peluang yang ada untuk dicari."





NUR DAYANA BINTI MOHD KHALIL

**Tahun Graduasi**

2022

Jawatan

Peguam Syarie

Akademik

Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Testimoni

Belajar di KUIS sangat menarik dan para pensyarah banyak membantu pelajar untuk terus belajar sehingga ke akhir semester.



NUR AQILAH BINTI ZABIR

Tahun Graduasi

2021

Jawatan

Peguam Syarie Di Tetuan Yazid Saat & Associates

Akademik

Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Undang-Undang, Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Testimoni

Sepanjang saya belajar di KUIS bermula daripada Asasi Pengajian Islam dan disambung dengan Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Undang-undang, KUIS merupakan satu institusi pendidikan yang kompeten untuk melahirkan graduan-graduan yang telah bersedia untuk memenuhi bidang-bidang pekerjaan khususnya dalam bidang kerjaya saya iaitu guaman syarie.

MUHAMMAD AMIRUL FARIS BIN AHMED SHUKERI



Tahun Graduasi
2022

Jawatan
Jurutera Sistem

Akademik
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian) (Teknologi Rangkaian), Fakulti Sains dan
Teknologi Maklumat.

Testimoni
KUIS membolehkan saya bina diri dari melalui sistem akademik dan penglibatan luar akade-
mik saya yang lain tanpa mengkompromikan sudut agama dan holistik.



AMALIA BINTI AHMAD

Tahun Graduasi
2021

Jawatan
Augmented Reality Developer /
Akademik
Ijazah Sarjana Muda Multimedia Kreatif (Media Interaktif) (Kepujian), Fakulti Sains Dan Teknologi Maklumat

Testimoni

Saya seronok belajar di KUIS dan saya bersyukur mempunyai pensyarah-pensyarah yang banyak membantu saya dan pelajar-pelajar lain dalam menimba ilmu terutamanya pensyarah dari FSTM (kini FMKK).

Antara kenangan terindah saya di KUIS adalah, dapat mengekalkan prestasi yang cemerlang dalam pelajaran walaupun saya sangat aktif terlibat dalam program dan persatuan di dalam KUIS. Kualiti kepimpinan dan kemahiran insaniah juga penting untuk melahirkan pelajar yang berwibawa. Suasana persekitaran di dalam KUIS sangat selesa, rakan-rakan dan pensyarah yang peramah, mudah didekati, 'supportive' dan 'sporting' serta silibus-silibus yang berkualiti memudahkan saya menyesuaikan diri di dalam KUIS disamping terdapat pelbagai program-program menarik yang dianjurkan warga KUIS tidak kira dari pelajar, pensyarah maupun staf. Di KUIS juga saya belajar banyak 'skill' baharu yang menyumbang kepada perkembangan kerjaya saya sekarang.

Terima kasih KUIS atas kenangan terindah dari 2014 hingga 2021. Jom masuk KUIS!

KHAIRUNNISA BINTI KHAIRULNIZAM



Tahun Graduasi

2022

Jawatan

Setiausaha (Eksekutif) Ahli Lembaga Pengarah, HQ Bank Kerjasama Rakyat Malaysia

Akademik


Ijazah Sarjana Muda Perguruan (Kepujian) Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) dengan Multimedia, Fakulti Pendidikan

Testimoni

Choosing KUIS for my studies was the best decision I ever made. The unwavering support and guidance provided by experienced, caring, and approachable lecturers have made the learning experience at KUIS incredibly enjoyable. Throughout my 4 years here, I have undergone remarkable personal growth, discovering and unleashing my maximum potential through the opportunities given by the University and active participation in various activities.

KUIS has played a crucial role in improving my Ibadah and deepening my understanding of the religion. The endless Islamic programs and the presence of qualified Asatizah have greatly contributed to my spiritual development. KUIS stands as a beacon of knowledge and self-growth, a place that has given me hope and second chances to be a better person.

I came here feeling lost and not knowing what to do with life, but I am leaving KUIS with a heart that is filled with contentment and gratitude. Alhamdulillah for the path that has led me to KUIS. Thank you KUIS!



Tahun Graduasi
2021

Jawatan
Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru Sekolah Rendah)

Akademik
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam Dengan Multimedia (Kepujian), Fakulti Pendidikan

Testimoni
KUIS merupakan institusi di mana mendidik saya untuk menjadi seorang guru. Saya telah memulakan pengajian di Asasi KUIS pada tahun 2016 seterusnya menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Ketika menuntut di peringkat asasi saya menerima Tajaan Khas KUIS (TKK), dimana tajaan itu memperuntukkan saya belajar semasa asasi secara percuma. Sepanjang menuntut di KUIS selama 5 tahun (termasuk tempoh asasi), saya dapat mengatakan bahawa KUIS semakin membangun dan semakin maju dari segi teknologi, kemudahan, dan kebijakan kepada pelajarnya. KUIS sentiasa berusaha melahirkan mahasiswa yang berkualiti di samping kelas pengajian, rutin harian mahasiswa turut dipenuhi dengan pelbagai aktiviti berfaedah kerana KUIS sangat aktif dalam melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang menarik. Akhir kata, ayuh bersama kita membantu KUIS menjadi Universiti Wakaf yang pertama di Malaysia.
Jom Masuk KUIS!



DIPLOMA

KISDAR KUIS

MUHAMMAD HANIS BIN AHMAD FAUZI

Tahun Graduasi

2021

Jawatan

Freelance 3D Modeler

Akademik

Diploma Multimedia, Fakulti Sains Dan Teknologi Maklumat

Testimoni

Saya sangat bersyukur diberi peluang untuk menyambung pelajaran saya di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (kini UIS). Sepanjang sesi pembelajaran di KUIS, pensyarah-pensyarah sangat arif bukan sahaja dalam aspek akademik, malah turut peka dalam aspek kerohanian. Aktiviti mentor-mentee yang dianjurkan sangat membantu untuk merapatkan hubungan antara pelajar dan pensyarah, dan membimbing kami dari awal sehingga graduasi. Dari segi aktiviti kokurikulum, saya amat gembira dapat menyertai pelbagai persatuan dan program yang menarik yang terdapat di KUIS. Melalui penyertaan tersebut, saya dapat meningkatkan nilai kemahiran saya dalam pelbagai aspek seperti teknikal, komunikasi dan nilai kerjasama. Suasana di KUIS pula sangat mesra kepada mahasiswa/wi sama ada dari segi akademik, kokurikulum maupun untuk aktiviti kerohanian.

Sejurnya saya sangat rindukan hari-hari saya ketika belajar di sini.

Bermacam-macam pengalaman, cabaran, ilmu dan kenangan yang saya dapat sepanjang berada di bumi KUIS. Elemen-elemen yang saya bawa dari sini telah saya aplikasikan untuk kehidupan sekarang serta menjadikan saya seorang manusia berguna pada hari ini. Terima kasih KUIS, pensyarah, dan rakan-rakan MS36 saya untuk segala kenangan yang tercipta sepanjang berada di sini dari 2017 hingga 2020.





NUR IZZATI BINTI ROSLAN

Tahun Graduasi

2020

Jawatan

Pelajar Tahun Akhir Universiti Malaya (2023)

Akademik

Diploma Syariah Dan Perundangan Islam, Fakulti Syariah Dan Undang-Undang

Testimoni

Antara pengalaman menarik yang sentiasa saya ingati semasa belajar di UIS ialah pensyarah-pensyarah yang sangat baik dan komited dalam memberi ilmu terutamanya pensyarah di Fakulti Syariah dan undang-undang. Persekutaran yang sangat menenangkan, setiap kali saya melawat UIS saya pasti akan merindui suasana tenang tersebut